

Budaya Awal Pagi Membentuk Kemenjadian Murid SMK Putrajaya Presint 11(1)

Puan Sri Hj Halimah Bt Abdul Majid;
Eow Yee Leng, PhD;
Chuah Beng Ean.

Abstrak

Kajian tindakan dalam artikel ini adalah berkenaan dengan Budaya Awal Pagi yang diamalkan di SMK Putrajaya Presint 11(1). Budaya Awal Pagi SMKPP11(1) bertujuan membangunkan setiap murid dengan kemahiran baharu yang diperlukan untuk merebut peluang pada peringkat global. Dengan bergerak searus dengan Model Penaziran Kemenjadian Murid JNJK, SMKPP11(1) telah merangka dan melaksanakan Budaya Awal Pagi yang memfokuskan pembentukan modal insan yang mampu dan berani melahirkan pendapat dan cadangan di khalayak ramai, berperanan sebagai pengurus projek; merealisasikan pencapaian personal; dan mengasimilasikan golongan berlainan upaya dengan mereka yang normal dalam perhimpunan setiap pagi. Budaya Awal Pagi berperanan sebagai satu platform untuk membolehkan pembelajaran berlaku secara semulajadi dengan kemahiran generik diterapkan bersama. Aktiviti bermula seawal 7.10 pagi dengan menghimpunkan pelajar untuk aktiviti Segar Minda. Perhimpunan setiap pagi bermula pada 7.20 pagi dan berakhir pada 8.00 pagi. Pelbagai aktiviti dilaksanakan setiap hari dengan melibatkan sekurang-kurangnya 10 orang murid. Ini bermaksud, secara minimumnya, bilangan murid yang berpeluang berada di atas pentas tapak perhimpunan adalah seramai 2000 orang setiap tahun. Setiap murid berpeluang menyertai secara aktif dalam perhimpunan pagi sekurang-kurangnya dua kali setahun. Impaknya dapat dilihat dari aspek kecemerlangan akademik, kokurikulum dan sukan, sahsiah yang mulia, murid yang berkeyakinan, kemampuan saing di peringkat global dan sikap sayangkan sekolah dalam kalangan anak didik SMKPP11(1). Kesimpulannya, Budaya Awal Pagi dapat menjana generasi muda yang mampu bersaing dalam pasaran kerja yang kompetitif serta beretika dan bersahsiah mulia.

Kata Kunci: Budaya awal pagi, kemenjadian murid, kemahiran generik, modal insan.

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia bukan sahaja bertujuan untuk membangunkan modal sosial dan ekonomi negara, tetapi juga menjadi pencetus kreativiti dan penjana inovasi generasi muda (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012a). Transformasi pendidikan yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 turut bermatlamat melengkapkan setiap murid dengan kemahiran baharu yang diperlukan untuk merebut peluang pada peringkat global. Ini bermakna generasi muda yang berpengetahuan, berfikiran kritis dan kreatif, berkemahiran kepimpinan yang mantap, berupaya berkomunikasi secara berkesan dan beretika perlu dihasilkan. Sehubungan dengan itu, SMKPP11(1) mengorak langkah dalam melaksanakan transformasi pendidikan melalui Budaya Awal Pagi. Strategi ini diharapkan dapat melahirkan murid yang mampu menguasai kemahiran generik yang diperlukan pada abad ke-21 ini.

Literasi

Menurut glosari Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010, kemenjadian murid bermaksud keupayaan murid yang terbentuk hasil daripada peningkatan ilmu, penguasaan kemahiran yang

merangkumi kemahiran insaniah, teknik dan kompetitif secara kreatif dan inovatif; peningkatan sikap, etika dan nilai murni; peningkatan sahsiah dan kecerdasan yang merangkumi pembangunan kebijaksanaan, kecerdasan akal, emosi, spiritual dan kecerdasan fizikal (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2010). Definisi yang diberikan cukup meluas dan merangkumi setiap aspek dalam membentuk seorang insan yang sempurna. Namun, tanpa aktiviti-aktiviti bersesuaian yang dirancang dan dilaksanakan, maka definisi ini hanya akan tinggal coretan semata-mata tanpa output yang didasarkan.

Dalam konteks sekolah, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) menilai impak sekolah berkesan dari aspek kemenjadian murid. Kemenjadian murid merupakan salah satu daripada lima Standard Kualiti Pendidikan Malaysia 2010 yang menekankan kewajaran 35% dalam pembinaan pendidikan yang berkualiti. JNJK menekankan kemenjadian murid dalam peperiksaan awam, sahsiah, kokurikulum dan sukan. Menurut JNJK, pendidikan di sekolah perlu melahirkan murid yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berupaya mencapai kesejahteraan diri. Berikut adalah Model Penaziran Kemenjadian Murid yang telah dikemukakan oleh JNJK (Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, 2010):



Berpandukan Model Penaziran Kemenjadian Murid JNJK, Budaya Awal Pagi SMKPP11(1) telah dilaksanakan dengan mencorak kemenjadian murid melalui cara-cara berikut:

- i. Pengurusan institusi pendidikan yang tidak semata-mata ke arah kecemerlangan akademik;
- ii. Membangunkan profesionalisme keguruan yang mampu berfungsi sebagai pembimbing di luar persekitaran bilik darjah;
- iii. Mengabungjalinkan kurikulum dan kokurikulum dalam aktiviti awal pagi;
- iv. Mengoptimumkan penggunaan prasarana dan sumber yang sedia ada dalam sekolah;
- v. Pembentukan sahsiah dan pemfokusan pada kebajikan pelajar sebelum bermulanya pembelajaran dalam bilik darjah;
- vi. Melibatkan partisipasi komuniti dalam pendidikan setiap minggu; dan
- vii. Aktiviti yang menjurus ke arah pembelajaran dan pengajaran.

Pernyataan Masalah

Pertambahan bilangan graduan yang menganggur adalah disebabkan oleh kelemahan graduan yang tidak berketrampilan, kewibawaan dan berkemahiran serta kelemahan penguasaan bahasa untuk pasaran kerja yang kompetitif (Marliana & Ahmad, 2011; Rusmin, 2010). Masalah pengangguran dalam kalangan graduan Institut Pengajian Tinggi (IPT) bukanlah satu isu yang baru. Menurut Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia & Sosial (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2012), jumlah pengangguran di Malaysia adalah seramai 385 600 orang pada Januari 2012. Sehubungan itu, Marlina dan Ahmad (2011) menegaskan bahawa aspek pembangunan diri murid perlu dilengkapi dengan kemahiran membuat keputusan, berfikiran kreatif dan kritis, berinisiatif, beretika dan disemaikan budaya belajar sepanjang hayat.

Kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memiliki kemahiran generik agar mereka memiliki *multiple skills* dalam melakukan pelbagai tugas yang diberi untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing (Norani & Sazalie, 2010). Namun, senario pembelajaran yang sedia ada sekarang ini kurang memberikan impak kepada pelajar untuk menyedari akan kepentingan pengetahuan yang mereka pelajari di dalam bilik darjah. Pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah kelihatan terasing daripada kehidupan dunia sebenar. Terdapat kajian yang menunjukkan bahawa pentadbir sekolah di Malaysia tidak berusaha memupuk kreativiti murid manakala guru pula melumpuhkan kreativiti murid dalam bilik darjah (Mohamad Mohsin & Nasruddin, 2008). Sehubungan dengan itu, satu platform perlu disediakan untuk membolehkan pembelajaran berlaku secara semulajadi dengan kemahiran generik diterapkan bersama.

Kajian Tindakan

Dengan bergerak searus dengan Model Penaziran Kemenjadian Murid JNJK, SMKPP11(1) telah merangka dan melaksanakan budaya awal pagi yang memfokuskan pembentukan modal insan yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi mampu dan berani melahirkan pendapat dan cadangan di khalayak ramai, berperanan sebagai pengurus projek; dan merealisasikan pencapaian personal. Budaya Awal Pagi SMKPP11(1) juga bertujuan mengoptimumkan penggunaan prasarana dan sumber sedia ada dalam sekolah. Sahsiah dan kebajikan pelajar diberi perhatian serius semasa pelajar berhimpun di dataran perhimpunan. Budaya Awal Pagi SMKPP11(1) tidak setakat melibatkan partisipasi komuniti Putrajaya malah mengasimilasikan golongan berlainan upaya dengan mereka yang normal dalam perhimpunan setiap pagi.

Pelaksanaan Budaya Awal Pagi SMKPP11(1)

Tuntutan kurikulum dan akauntabiliti guru semakin meningkat, sedangkan masa pengajaran dan kesediaan sumber kewangan semakin terhad (Kirk & Jones, 2004). Situasi ini sering menjadikan mandat dan harapan tinggi kebanyakan sekolah menemui jalan buntu. Sehubungan dengan itu, pihak pentadbir sekolah memainkan peranan penting dalam melakar landskap sekolah secara berkesan agar ia mampu memanipulasi modal tenaga kerja, masa dan sumber kewangan yang terhad demi perkembangan maksimum anak-anak didik. Dengan kekangan-kekangan yang kerap dihadapi oleh sekolah-sekolah harian biasa, SMKPP11(1) telah mengambil inisiatif dalam mewujudkan Budaya Awal Pagi yang memuatkan pelbagai aktiviti berlainan mengikut hari

dengan mengabungjalinkan peranan murid-murid sebagai satu sumber input yang utama (Jadual 1).

Hari	Aktiviti di tapak perhimpunan (7.20am – 8.00am)
Isnin	Perhimpunan rasmi / Pelancaran Minggu Panitia / Penyampaian hadiah
Selasa	i. Program NILAM – <i>Segar Minda</i> ii. Pengucapan awam iii. Jasamu dikenang iv. Aktiviti panitia
Rabu	i. Program NILAM– <i>Segar Minda</i> ii. Public speaking iii. English Day iv. Scientist Mind v. Aktiviti Panitia
Khamis	i. Program NILAM – <i>Segar Minda</i> ii. Bersama Komuniti iii. Mengapa Saya di Sini?
Jumaat	i. Bacaan Yassin ii. Takzilah

Jadual 1: Aktiviti di tapak perhimpunan yang mewujudkan Budaya Awal Pagi SMKPP11(1)

Antara aktiviti-aktiviti panitia yang telah dilaksanakan di tapak perhimpunan adalah seperti:

- Gimik pelancaran pada hari pertama setiap minggu bercorakkan sketsa, lagu dan puisi, nyanyian lagu bertema, eksperimen sains, lakonan bertema, pelepasan burung dan belon, pemotongan kek dan reben bunting atau penghasilan replika. Buku program merupakan item yang wajib dihasilkan sebagai satu informasi dan panduan kepada setiap warga SMKPP11(1) berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang bakal dilaksanakan sepanjang minggu.
- *Challenge of the top scholar* yang memaparkan saingan murid-murid dalam merebut soalan-soalan bertema yang dikemukakan sempena Minggu Panitia setiap minggu. Aktiviti ini akan merangsang pelajar untuk menyemarakkan Program NILAM melalui aktiviti Segar Minda setiap pagi. Masa terluang pada awal pagi tidak akan disia-siakan dengan perbualan kosong. Sebaliknya, murid-murid akan membawa bahan bacaan yang berkaitan dengan minggu-minggu panitia.
- *Choral speaking* pada setiap Rabu sempena English Day. Aktiviti ini dilaksanakan dengan mengikut urutan kelas. Semua murid wajib menyertai *choral speaking*. Kerjasama antara murid dititikberatkan dalam aktiviti ini. Selain menyokong program MBMMBI, aktiviti *choral speaking* merupakan satu agen transformatif yang mengiktiraf kekuatan yang ada pada diri setiap murid dan merangsang mereka untuk berusaha

bergerak ke arah mencapai potensi sebenar yang mereka miliki, khususnya kebolehan berbahasa Inggeris dan membuat persembahan di khalayak ramai.

- Pengucapan awam dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris untuk meningkatkan keyakinan murid dalam mengemukakan pendapat di khalayak ramai. Murid-murid yang mendengar pula boleh mencatatkan isi-isi penting untuk dijadikan idea dalam penulisan karangan. Rakan sebaya boleh merupakan faktor pembunuh kreativiti murid dalam melahirkan pendapat (Amabile, 1998). Kebiasaannya, murid tidak mahu menghadapi risiko untuk diketawakan apatah lagi dalam khalayak ramai. Usaha dan persediaan awal sebelum pengucapan awam akan membimbing murid dalam menghadapi situasi kehidupan yang sebenar. Namun, kegagalan adalah satu kemestian dalam pembelajaran (Castronova, 2002). Kita tidak boleh lari daripada ejekan mahupun cemoohan orang tetapi kita boleh kuatkan semangat dan keyakinan diri dengan membuat persediaan yang secukupnya dalam menghadapi situasi yang kurang memberangsangkan. Guru-guru akan bertugas setiap pagi dalam memberi dorongan dan bimbingan kepada murid-murid yang menyampaikan pengucapan awam di dataran perhimpunan untuk iklim perkembangan positif mental dan emosional murid.
- Demonstrasi masakan oleh Panitia MPV. Kemahiran memasak adalah kemahiran asas kehidupan yang wajar dipelajari oleh setiap murid. Ini adalah untuk membolehkan murid-murid SMKPP11(1) lebih berdikari dan mampu menjaga kebajikan diri masing-masing memandangkan ramai ibu bapa di Putrajaya yang bekerja sehingga lewat petang.
- Lakonan, tarian dan nyanyian lagu 4 bahasa yang berbeza iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Jepun pada satu masa yang sama. Ini memerlukan kerjasama yang erat antara 4 panitia yang berbeza. Lombardi (2007) menggambarkan proses pembelajaran masa kini sebagai pembelajaran autentik. Murid-murid lebih berminat untuk melaksanakan tugas yang berkaitan dengan dunia sebenar mengikut kamus pelajar itu sendiri. Sistem manusia diibaratkan sebagai satu buku yang terbuka (Neville, 2008). Pengalaman yang bermakna adalah pengalaman yang dijana sendiri dalam persekitaran individu tersebut. Oleh itu, persekitaran yang konduksif perlu disediakan untuk membantu murid mengalami sendiri keperluan pembelajaran yang telah dilaksanakan dalam kelas.
- Demonstrasi eksperimen sains oleh murid pada setiap hari Rabu. Eksperimen sains ini akan menggunakan segala bahan yang sedia ada di makmal sains serta bahan kitar semula. Ini adalah untuk merangsang daya kreativiti dan pemikiran kritikal pelajar. Mohamad Mohsin dan Nasruddin (2008) menekankan kepentingan pemupukan pemikiran kreativiti dalam bilik darjah. Sebaliknya, pentadbir SMKPP11(1) berpendapat bahawa pemikiran kreatif, inovatif dan kritikal sepatutnya diperkembangkan lagi menembusi dinding segi empat bilik darjah. Persekitaran sekolah merupakan satu platform pembelajaran. Budaya awal pagi dirancang dan dilaksanakan dengan menjadikan pemikiran kreatif, inovatif dan kritikal sebagai sarapan awal pagi sel-sel otak murid-murid di SMKPP11(1).
- Bilik darjah seharusnya merupakan suatu persekitaran pembelajaran yang terbuka (Conklin, 2009). Pembelajaran boleh berlaku di mana sahaja. Partisipasi komuniti

dilaksanakan pada setiap hari Khamis. Ibu bapa dianggap memainkan peranan penting dalam memberi sokongan untuk merealisasikan misi sekolah (Kirk & Jones, 2004). Ramai ibu bapa dalam kalangan pelajar SMKPP11(1) yang berkerjaya tinggi dalam komuniti Putrajaya. Oleh itu, selain individu-individu yang telah berjaya dalam bidang masing-masing dijemput untuk bersama-sama dengan pelajar dalam perhimpunan pagi, ibu bapa turut dijemput dalam menjayakan program ini. Selain daripada memberikan kata-kata motivasi, individu yang dijemput juga akan berkongsi pengalaman tentang kerjaya dan usaha yang telah dilaksanakan sehinggalah mereka mengecapi kejayaan yang ada pada hari ini. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran di SMKPP11(1) adalah bersifat terbuka dan tidak sekadar konvensional dalam bilik darjah.

- Sahsiah dan kerohanian murid dipertingkatkan melalui Bacaan Yaasin dan penyampaian Tazkirah oleh guru bertugas pada setiap pagi Jumaat. Murid-murid juga diingatkan pada setiap hari Khamis agar membawa air minuman dari rumah untuk Bacaan Yaasin. Air minuman yang dibacakan ayat-ayat suci al-Quran sememangnya mampu membentuk diri ke arah yang lebih baik (IbnRajab, 2008). Ini adalah kerana unsur utama badan manusia merupakan air. Oleh itu, air yang suci dianggap mampu membentuk dan mengubah murid-murid SMKPP11(1) ke arah kebaikan, mengelakkan diri daripada musibah batin seperti penyakit, sihir dan sebagainya. Setelah begitu banyak aktiviti yang dilaksanakan setiap hari, Bacaan Yaasin dan tazkirah Jumaat akan membolehkan warga SMKPP11(1) insaf bahawa, di dunia ini kita hanya berikhtiar dan yang mengkabulkannya (memujarakkan) adalah Allah SWT.

Berikut adalah contoh-contoh aktiviti yang dilaksanakan untuk mewujudkan Budaya Awal Pagi SMKPP11(1):



Bacaan Yaasin pada setiap pagi Jumaat



Sketsa Kemerdekaan oleh Panitia Sejarah

Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan
Kali ke-20 Tahun 2013 (2-4 Julai 2013)



Demonstrasi memasak sebagai kemahiran asas dalam kehidupan sebenar



Anugerah sewaktu perhimpunan sebagai penghargaan kepada pelajar



Aktiviti lagu dan puisi dilaksanakan setiap minggu bersesuaian dengan tema minggu panitia



Pengucapan Awam atau *Public Speaking* oleh pelajar pada setiap Selasa dan Rabu



Partisipasi komuniti Putrajaya dalam aktiviti setiap hari Khamis (Gambar: Dato' Shahlan Bin Ismail – SU Politik Perdana Menteri)



Pelancaran Minggu Panitia Biologi



Choral speaking pada setiap hari Rabu
sempena hari Bahasa Inggeris



Tarian aksi ninja sempena minggu Bahasa
Jepun

Setiap aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bertujuan untuk menyemaisubur dan menghidupkan jiwa dan minda anak-anak didik di SMKPP11(1). Ikonisasi SMKPP11(1) bukan sahaja dibentuk untuk beracukan kejayaan akademik semata-mata. Sebaliknya, gabungan sahsiah mulia dan peradaban tinggi, yang disebar dengan kemampuan berinteraksi dalam persekitaran global adalah antara kunci ke arah kemenjadian murid.

Budaya Awal Pagi yang diamalkan di SMK Putrajaya Presint 11(1) bertujuan membangunkan setiap murid dengan kemahiran baharu yang diperlukan untuk merebut peluang pada peringkat global. Setiap pagi terdapat sekurang-kurangnya 10 orang murid yang akan berada di atas pentas untuk melaksanakan aktiviti yang telah dirancang mengikut hari. Ini bermaksud, secara minimumnya, bilangan murid yang berpeluang berada di atas pentas tapak perhimpunan adalah seramai 2000 orang setiap tahun. Setiap murid berpeluang menyertai secara aktif dalam perhimpunan pagi sekurang-kurangnya dua kali setahun. Sekiranya amalan ini diteruskan, murid-murid akan berasa selesa berkomunikasi dalam khalayak ramai dan kerja berpasukan. Kebolehan kerja berpasukan dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan akan membolehkan murid mudah berasimilasi dalam masyarakat.

Pembelajaran merupakan satu perubahan yang berterusan (Conklin, 2009). Oleh itu, sekolah perlu memainkan peranan yang proaktif dalam merangka persekitaran pembelajaran yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak murid. Aktiviti-aktiviti yang dirancang dalam mewujudkan Budaya Awal Pagi SMKPP11(1) diharapkan dapat terus bertransformasi agar sejajar dengan peredaran masa dan sifat keindividuan yang ada pada anak-anak didik di SMKPP11(1).

Bukti Kemenjadian Murid di SMK Putrajaya Presint 11(1):

i. Kecemerlangan akademik

SMKPP11(1) telah mampu melakar sejarahnya tersendiri dalam persaingan pencapaian dengan sekolah-sekolah lain di Putrajaya. Bagi peringkat PMR, SMKPP11(1) berjaya memenangi Anugerah Sekolah Harian Terbaik peringkat Putrajaya bagi empat tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2009 hingga 2012. Pada tahun 2011, SMKPP11(1) turut merangkul Anugerah Insentif Peningkatan Kualiti *Straight A* (Bilangan A Meningkat). Jadual 1 menunjukkan peningkatan kualiti A terus berlaku pada tahun 2012 dan peratus

kelulusan bagi semua subjek pada setiap tahun tidak kurang daripada 95 peratus. Dalam penilaian *National Key Result Area, New Deal 2010*, SMKPP11(1) berada dalam kedudukan teratas dalam kalangan sekolah-sekolah harian di Putrajaya, dengan pencapaian *Band 3*.

Mata Pelajaran	A	%A	B	%B	C	%C	D	%D	E	%E	TH	Jlulus	% Lulus	Jcalon ambil	GPS
B. Melayu 2011	98	76.00	20	15.50	10	7.80	1	0.80	0	0.00	3	129	100.00	129	1.33
B. Melayu 2012	96	59.66	46	28.60	14	8.70	4	2.50	1	0.60	-	160	99.40	161	1.56
B. Inggeris 2011	50	38.80	44	34.10	17	13.20	13	10.10	5	3.90	3	124	96.10	129	2.06
B. Inggeris 2012	85	52.79	35	21.74	16	9.94	21	13.04	4	2.48	-	157	97.52	161	1.90
Sejarah 2011	61	47.30	33	25.60	25	19.40	10	7.80	0	0.00	3	129	100.00	129	1.88
Sejarah 2012	74	46.00	39	24.00	37	24.00	11	7.00	-	-	-	161	100.00	161	1.91
Geografi 2011	69	53.50	25	19.40	28	21.70	7	5.40	0	0.00	3	129	100.00	129	1.79
Geografi 2012	89	55.27	34	21.19	32	19.87	5	3.10	1	0.62	-	160	99.38	161	1.73
Matematik 2011	82	63.60	18	14.00	14	10.90	14	10.90	1	0.80	3	128	99.20	129	1.71
Matematik 2012	93	57.76	23	14.29	24	14.91	19	11.80	2	1.24	-	159	98.76	161	1.84
Sains 2011	73	56.60	28	21.70	18	14.00	9	7.00	1	0.80	3	128	99.20	129	1.74
Sains 2012	87	54.03	31	19.25	30	18.63	13	8.07	-	-	-	161	100.00	161	1.81
Pend. Islam 2011	78	60.50	32	24.80	15	11.60	3	2.30	1	0.80	3	128	99.20	161	1.58
Pend. Islam 2012	84	52.17	48	29.81	25	15.52	2	1.24	2	1.24	-	159	98.75	161	1.69
KHB1 - KT 2011	37	88.10	5	11.90	0	0.00	0	0.00	0	0.00	2	42	100.00	42	1.12
KHB1 - KT 2012	40	78.43	7	11.67	1	1.67	-	-	-	-	-	51	100.00	51	1.31
KHB2 - ERT 2011	35	89.70	2	5.10	2	5.10	0	0.00	0	0.00	1	39	100.00	39	1.15
KHB2 - ERT 2012	52	86.67	7	11.67	1	1.67	-	-	-	-	-	60	100.00	60	1.15
KHB4 - PK 2011	30	62.50	13	27.10	5	10.40	0	0.00	0	0.00	0	48	100.00	48	1.48
KHB4 - PK 2012	28	56.00	12	24.00	8	16.00	2	4.00	-	-	-	50	100.00	50	1.70
Bahasa Arab 2011	15	65.20	4	17.40	3	13.00	1	4.30	0	0.00	2	23	100.00	23	1.57
Bahasa Arab 2012	15	45.50	5	15.20	9	27.30	4	12.10	-	-	-	33	100.00	33	2.06

Jadual 1: Perbandingan keputusan PMR SMKPP11(1) bagi tahun 2011 dan 2012

ii. Kecemerlangan kokurikulum dan sukan

Kejayaan dalam bidang kokurikulum dan sukan yang dicapai oleh murid-murid SMKPP11(1) pada peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa amat panjang senarainya (SMK Putrajaya Presint 11(1), 2012). Jadual 2 merupakan beberapa contoh kejayaan SMKPP11(1) dalam bidang kokurikulum dan sukan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Bil.	Pertandingan / Acara	Peringkat	Pencapaian
1	Program Cabaran Mutiara Jemputan ASEAN Siri Ke-8 (Pearl Challenge 2012 ASEAN Invitation)	Antarabangsa	Johan – Paintball Competition Naib Johan – Eco Challenge Tempat Ketiga – Hiking Competition Tempat Ketiga – Orienteering Competition
2	Pertandingan Chinese Taipei International Open Bowling Championship	Antarabangsa	Tempat ketiga – kategori individu P15
3	Pertandingan Bowling Masters Youth Open	Antarabangsa	Tempat ketiga
4	Paintball PEARL Challenge 2012 ASEAN	Antarabangsa	Johan
5	Pertandingan De Care Challenge Sekolah Menengah 2012	Kebangsaan	Tempat ketiga – kategori motosikal

Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan
Kali ke-20 Tahun 2013 (2-4 Julai 2013)

6	Pertandingan Robotik Sekolah Menengah dan Rendah Peringkat Kebangsaan 2012	Kebangsaan	Excellence Performance
7	Pertandingan National Robotics Championship (NRC) Sekolah Menengah dan Rendah Peringkat Kebangsaan 2012	Negeri (WPKL & WP Putrajaya)	Johan Open Upper Category
8	Perkhemahan Pandu Puteri Kebangsaan 2012	Kebangsaan	Specialist Badge (EMAS); Global Action Theme Badge; Curriculum World Association of Girl Guides and Scouts; Naib Johan – Persembahan Malam Tema
9	Lumba Basikal Remaja Sportexcel-MILO-MSN-PKBM Junior Circuit	Kebangsaan	Johan – Criterium 40km (P17-18); Johan – Ujian Masa Perseorangan (P17-18); Tempat ketiga – Lepas beramai-ramai 40km (P17-18)
10	Program Botanical Discovery	Kebangsaan	Johan & Naib Johan
11	2 nd SsiC Junior Top Chef Challenge 2012 di Silverspoon International College	Kebangsaan	Naib Johan
12	Pertandingan Orkestra Patriotisme	Kebangsaan	Tempat Ketiga
13	Program Penghayatan Marin Taman Laut Malaysia	Kebangsaan	Peserta terbaik keseluruhan; Johan & Naib Johan Kumpulan Marine Debris; Johan Kumpulan Pembentangan Multimedia Kajian Ekosistem Bakau dan Marin;
15	Pertandingan Bowling Junior All Star	Kebangsaan	Naib Johan
14	Kejohanan Kanu Kebangsaan Putrajaya	Kebangsaan	Johan Kanu Sprint 500m – Pra SUKMA Junior Lelaki (K4)

Jadual 2: Beberapa contoh kejayaan SMKPP11(1) dalam bidang kokurikulum dan sukan pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan

Kejayaan-kejayaan yang dikecapi oleh murid-murid di SMKPP11(1) dalam bidang kokurikulum dan sukan adalah sebahagian daripada impak Budaya Awal Pagi. Dalam teks ucapan Menteri Pelajaran Malaysia sempena Majlis Perutusan Khas 2012 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012b), beliau menyatakan pendidikan berkualiti sebagai satu keupayaan yang bukan sahaja dapat melahirkan modal insan yang berilmu, kreatif dan inovatif, tetapi juga kecemerlangan dalam bidang sukan, seni dan kokurikulum. Ini adalah untuk menggarap sahsiah dan kemahiran sendiri pelajar dalam membentuk modal insan yang seimbang.

iii. Sahsiah yang mulia

Murid-murid di SMKPP11(1) mencatatkan masalah disiplin yang rendah. Guru-guru kurang menghadapi masalah kawalan kelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Murid-murid sentiasa bersedia dengan sahsiah yang baik. Berikut adalah beberapa eviden visual yang menunjukkan adab murid-murid SMKPP11(1):



Hormat kepada tetamu jemputan



Menjaga disiplin diri semasa perhimpunan



Mencium tangan guru sebagai tanda berterima kasih



Penjagaan tandas

iv. Berkeyakinan

Berikut adalah beberapa eviden visual yang menunjukkan keyakinan murid-murid SMKPP11(1) apabila menghadapi situasi yang berlainan:



Yakin berucap di khalayak ramai



Asimilasi pelajar berlainan upaya (pendidikan khas) dengan pelajar aliran perdana setiap pagi meningkatkan keyakinan mereka dalam masyarakat

Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan
Kali ke-20 Tahun 2013 (2-4 Julai 2013)



Berkeyakinan membuat persembahan di khalayak ramai



Yakin dengan kebolehan dan kejayaan diri

v. **Mampu bersaing di peringkat global**

Berikut adalah beberapa eviden visual yang menunjukkan kemampuan daya saing murid-murid SMKPP11(1) di peringkat global:



Persaingan dalam sukan berprestij antarabangsa



Penyertaan dalam kem peringkat antarabangsa



Program Pertukaran Budaya Antarabangsa



Melaksanakan aktiviti *Youth Exchange Study (YES)*

vi. **Sayangkan sekolah**

Berikut adalah beberapa eviden yang menunjukkan sayangnya warga SMKPP11(1) terhadap sekolah:



Dengan eviden-eviden di atas, ini membuktikan bahawa Budaya Awal Pagi di SMKPP11(1) banyak membantu menyumbang kepada kejayaan sekolah dalam melahirkan modal insan yang cemerlang akademik dan kokurikulum, berkeyakinan, bersahsiah mulia, berpengetahuan dan berkemampuan bersaing di peringkat global. Pentadbir sekolah memainkan peranan utama dalam mewujudkan sesuatu budaya di sekolah (Leithwood, Louis, Anderson, & Wahlstrom, 2004; Muhammad, Saedah, Norfariza, & Faisol, 2011). Oleh itu, pentadbir sesebuah sekolah perlulah berani mentransformasikan budaya yang sedia ada bagi mewujudkan iklim baru yang lebih positif demi pendidikan yang berkualiti.

Kesimpulan

Ramai pihak menyalahkan sistem pendidikan Malaysia yang berorientasikan peperiksaan sebagai faktor penghalang pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Mohamad Mohsin & Nasruddin, 2008). Bagaimanapun, pernahkah kita membuat refleksi tentang bagaimana sesebuah sekolah dapat ditadbir dan dibangunkan agar aspirasi negara tercapai? Perubahan dan transformasi memerlukan tindakan dan bukannya manual tindakan yang dirangka dengan begitu sempurna dalam bentuk penulisan tetapi tidak dipraktikkan. Diharap penulisan ini akan dapat dijadikan panduan tindakan ke arah pendidikan yang lebih berkualiti serta penjaan generasi yang lebih mantap demi pembangunan negara.

Bibliografi

- Amabile, T. M. (1998). How to kill creativity. *Harvard Business Review*, September-Oktober, 77-87.
- Castronova, J. A. (2002). Discovery learning for the 21st century: What is it and how does it compare to traditional learning in effectiveness in the 21st century? [Electronic Version]. *Action Research Exchange*, 1. Retrieved May 5, 2013 from http://teach.valdosta.edu/are/Litreviews/vol1no1/castronova_litr.pdf.
- Conklin, T. A. (2009). Creating classrooms of preference. *Journal of Management Education*, 33(6), 772-792.

- IbnRajab. (2008). Yaasin 41. Retrieved May 7, 2013, from <http://ibnrajab.wordpress.com/2008/08/27/yaasin-41/>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2012). Perangkaan tenaga buruh, Malaysia, Januari 2011. Retrieved Mac 27, 2013, from http://www.statistics.gov.my/portal/images/stories/files/LatestReleases/employment/Labour_Force_Indicator_Malaysia_Jan_2012BM.pdf
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti. (2010). *Standard kualiti pendidikan Malaysia 2010*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012a). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 [Electronic Version]. Retrieved 28 January, 2013 from <http://www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012b). Teks ucapan YAB Tan Sri Dato Hj. Muhyiddin Bin Hj Mohd Yassin di Majlis Perutusan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia [Electronic Version]. Retrieved August 1, 2012 from <http://www.jpnperlis.gov.my/v11/download/TeksUcapanMenteri.pdf>.
- Kirk, D. J., & Jones, T. L. (2004). Effective schools [Electronic Version]. Retrieved January 13, 2012 from www.pearsonassessments.com/NR/.../EffectiveSchools_Final.pdf.
- Leithwood, K., Louis, K. S., Anderson, S., & Wahlstrom, K. (2004). *How leadership influences student learning*. New York The Wallace Foundation.
- Lombardi, M. M. (2007). Authentic learning for the 21st century: An overview [Electronic Version]. *Educause - Learning Initiative*. Retrieved May 10, 2010 from <http://net.educause.edu/ir/library/pdf/ELI3009.pdf>.
- Marliana, M., & Ahmad, E. (2011). Tahap penguasaan kemahiran generik dalam kalangan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Elektrik serta Pendidikan, UTHM. *Journal of Techno Social*, 1(6), 77-94.
- Mohamad Mohsin, B. M. S., & Nasruddin, Y. (2008). *Halangan-halangan kepada usaha memupuk kreativiti di kalangan pelajar*. Paper presented at the Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKIKS) 2008, 18-19 Ogos, 2008, Hotel Mahkota, Melaka.
- Muhammad, F. A. G., Saedah, S., Norfariza, M. R., & Faisol, E. (2011). School effectiveness and improvement practices in excellent schools in Malaysia and Brunei. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 15(2011), 1705–1712.
- Neville, M. G. (2008). Using appreciative inquiry and dialogical learning to explore dominant paradigms. *Journal of Management Education*, 32(1), 100-119.
- Norani, B. M. N., & Sazalie, B. S. (2010). Penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah [Electronic Version]. Retrieved Mac 27, 2013 from http://eprints.utm.my/10527/1/PENERAPAN_KEMAHIRAN_GENERIK_DALAM_PROSES_PENGAJARAN_DAN.pdf.
- Rusmin, R. (2010). Graduan 'ulat buku' tak ke mana: 3 kelemahan nyata siswa ialah kurang kemahiran berkomunikasi, tidak pandai bawa diri dan pemikiran kurang kritikal. *Harian Metro*, pp. V4-V7.
- SMK Putrajaya Presint 11(1). (2012). *The Prestige 2012*. Putrajaya: SMKPP11(1).